

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.3(49)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2016-2017)
BILANGAN 12 TAHUN 2016**

Tarikh : 21 Disember 2016 (Rabu)
Masa : 10.30 Pagi – 12.16 Tengahari
**Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.**

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 10 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis sepanjang bulan November dan Disember 2016.

3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

3.1 Beliau mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT di atas segala nikmat yang dikurniakan-Nya untuk kita bersama-sama menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini. Beliau turut memaklumkan bahawa pada hari ini beliau menggantikan YBhg. Datuk Bandar sebagai pengerusi mesyuarat memandangkan YBhg. Datuk Bandar menunaikan umrah. Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Majlis, Pengarah-pengarah dan kakitangan Majlis di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan. Beliau turut berharap agar kita semua terus beristiqomah dan meningkatkan kerja berpasukan ini dengan penuh rasa tanggungjawab, professional dan penuh berintegriti.

1/28



3.2 ANUGERAH TERBAIK MURNINETS

MBPJ telah menerima **Anugerah Terbaik MURNInets** sempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia peringkat Negeri Selangor yang telah diadakan pada 29 November 2016. MBPJ mendapat markah tertinggi dalam tahap kemampunan bandar di peringkat Negeri Selangor.

Di Majlis yang sama juga, MBPJ telah menerima **Anugerah Bandar Mampan 2015** melalui pelaksanaan MURNInets sempena Karnival KPKT 2016 “Bandar Mampan Komuniti Sejahtera” pada 3 Disember 2016. MBPJ turut menerima **Anugerah Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2016 Bagi Penyediaan Laluan Pejalan Kaki (Kategori Bandaraya)** sempena Karnival KPKT 2016 “Bandar Mampan Komuniti Sejahtera” di majlis yang sama. MBPJ telah menerima penghargaan bagi Anugerah Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2016 bagi Kategori Bandaraya.

Program ini bertujuan untuk memberi penghargaan kepada PBT yang telah melaksanakan inisiatif-inisiatif pembangunan kejiranan hijau di kawasan pentadbiran mereka di samping memberikan galakan kepada PBT-PBT yang lain untuk melaksanakan inisiatif tersebut.

Program ini juga merupakan langkah berterusan pihak Majlis bagi mempromosikan pelaksanaan inisiatif pembangunan kejiranan hijau yang merupakan antara komponen penting dalam sesebuah pembangunan mampan.

MBPJ telah tersenarai di dalam 10 bandar terbaik di Malaysia yang telah mendapat pengiktirafan Anugerah Bandar Mampan 2015. MBPJ juga telah terpilih untuk menyertai Pameran Bandar Mampan sempena Karnival Kesejahteraan Bandar KPKT 2016. Hanya dua (2) PBT sahaja di Malaysia telah dipilih untuk mempamerkan pencapaian kemampunan bandar iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Alor Gajah.

3.3 PETALING JAYA ‘UNIVERSAL DESIGN AWARD 2016’

Konsep bandar raya berdayahuni merangkumi proses perancangan pembangunan dengan matlamat mencapai pembangunan mampan secara holistik yang berpaksikan kepada pengintegrasian 3 aspek utama iaitu sistem sosial yang inklusif, ekonomi yang produktif dan persekitaran bandar yang hijau.



Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap usaha-usaha ke arah mewujudkan sebuah persekitaran bandar raya yang mampan dan berdayahuni sejak tahun 2000. Hasrat ini diterjemahkan melalui penyediaan Pelan Induk Rekabentuk Sejagat Petaling Jaya yang mengandungi 4 komponen utama iaitu projek pengubahsuaian bangunan dan infrastruktur sedia ada, program kesedaran awam dan latihan teknikal, 'area based project' serta jawatankuasa teknikal dan pengauditan.

Bagi memastikan projek-projek pembangunan di Petaling Jaya mematuhi keperluan rekabentuk sejagat, Majlis telah menetapkan salah satu prosedur di peringkat pra-rundingan kelulusan kebenaran merancang dan pelan bangunan, pemaju dan arkitek dikehendaki membuat semakan terperinci bersama pegawai 'Universal Design' sebelum diberi pengesahan melalui 'UD Form' yang menyatakan segala keperluan rekabentuk sejagat telah dipatuhi dengan sebaiknya dan layak untuk mengemukakan permohonan secara online ke Unit OSC MBPJ.

Seiring dengan penguatkuasaan prosedur tersebut, Majlis turut mempunyai satu pasukan khas iaitu 'Universal Design Team' (UD Team) yang berfungsi untuk membuat pengauditan dan penilaian terhadap pematuhan komponen rekabentuk sejagat di peringkat pembinaan projek (75% pelaksanaan projek) dan sebelum pemaju diberikan sijil *Certificate Of Compliance dan Competency (CCC)*.

Sebagai satu usaha Majlis untuk menggalakkan lebih ramai pemaju dan pemilik bangunan di Petaling Jaya menyediakan kemudahan ini, MBPJ telah melaksanakan program 'Universal Design Award' yang bertujuan memberi penghargaan kepada bangunan-bangunan yang telah menyediakan keperluan Rekabentuk Sejagat termasuk menaiktaraf bangunan sedia ada supaya lebih mesra kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), warga emas dan lain-lain melalui penerapan elemen rekabentuk sejagat.

Penganjuran anugerah ini merupakan langkah permulaan MBPJ dalam memberi kesedaran dan galakan kepada lebih ramai pemaju, para jururancang bandar, arkitek, pemilik bangunan dan semua pihak agar bersama-sama memainkan peranan dalam menyediakan sebuah persekitaran bandar raya yang inklusif, selamat dan selesa untuk semua golongan.



3.4 **KEBERKESANAN PELAKSANAAN INISIATIF PEMUTIHAN KAWASAN 'BLACKSPOT' DALAM MENGURANGKAN KADAR JENAYAH**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) berperanan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab dalam mewujudkan persekitaran yang selamat dan sejahtera buat semua penduduk di Petaling Jaya. Pelaksanaan ini direalisasi melalui Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya dengan 4 aspek utama yang telah dirancang iaitu Keselamatan Persekitaran, Keselamatan Infrastruktur, Keselamatan Digital dan Pengurusan Keselamatan / Penguatkuasaan.

Antara program dan projek-projek di bawah keselamatan persekitaran termasuklah Inisiatif Pemutihan Kawasan Blackspot yang telah dilaksanakan sejak tahun 2013 di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mengurangkan Jenayah yang sebahagiannya menggunakan peruntukan Bahagian NKRA, Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Di peringkat Majlis, program pemutihan ini akan dilaksanakan melalui pendekatan 5 langkah segera projek fizikal Bandar Selamat iaitu pencahayaan, pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor, pemasangan cermin keselamatan, papan tanda peringatan jenayah dan penyediaan tempat letak motosikal berkunci.

Manakala, program-program keselamatan dan pembangunan sosial pula meliputi program rondaan dan kehadiran polis, mempertingkatkan kawalan keselamatan melalui pemasangan CCTV, program pembersihan PATI dan operasi membanteras penagihan dadah secara bersepadu serta memperluaskan program kesedaran serta penglibatan penduduk terhadap keselamatan.

Bagi tahun 2016, kawasan yang terpilih bagi pelaksanaan projek ini adalah di kawasan Kg. Lindungan, PJS 6 serta Pangsapuri Damai dan Mentari Business Park, PJS 8. Kedua-dua kawasan ini telah dipilih bagi pelaksanaan inisiatif ini berpandukan kepada kawasan-kawasan hotspot jenayah yang dijana oleh Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) dengan catatan kadar jenayah yang tinggi bagi kes curi motosikal, pecah rumah, ragut, samun dan lain-lain. Pemilihan bagi kedua-dua lokasi ini turut dipersetujui dan disahkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Unit Khas NKRA Bandar Selamat JPBD.



Program-program sosial dan keselamatan turut dilaksanakan bersama pihak PDRM dan lain-lain agensi keselamatan seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Imigresen, Jabatan Perpaduan dan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF). Antara program-program yang dimaksudkan termasuklah Program Gerak Padu 'Walkabout', Program Mesra Rakyat, Program Semarak Kasih Di Bawah 'Beautiful Malaysia' dan lain-lain. Malis turut memainkan peranan dalam menggalakkan rondaan keselamatan oleh penduduk melalui pemberian insentif sebanyak RM6,000 kepada Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) yang ditubuhkan oleh penduduk di kedua-dua kawasan Blackspot.

Pelaksanaan projek ini telah memberi impak positif terhadap kes-kes jenayah di kedua-dua kawasan ini apabila menyaksikan peratus penurunan yang agak ketara iaitu:-

- i. Penurunan kes jenayah pecah rumah sebanyak 70.83% iaitu daripada 24 kes pada tahun 2015 (sebelum program) kepada 7 kes pada tahun 2016 (selepas program);
- ii. Penurunan kes jenayah ragut sebanyak 68.42% iaitu daripada 19 kes pada tahun 2015 kepada 6 kes pada tahun 2016 melalui penyediaan 'Pedestrian Railing' di laluan pejalan kaki;
- iii. Penurunan kes jenayah curi motosikal sebanyak 50% iaitu daripada 40 kes pada tahun 2015 kepada 20 kes pada tahun 2016;
- iv. Penurunan kes jenayah curi kereta sebanyak 35.29% iaitu daripada 17 kes pada tahun 2015 kepada 11 kes pada tahun 2016; dan
- v. Penurunan kes jenayah samun sebanyak 42.10% iaitu daripada 38 kes pada tahun 2015 kepada 22 kes pada tahun 2016.

Majlis turut membuat temuramah Kajian 'Fear of Crime' terhadap 200 orang penduduk di kedua-dua kawasan tersebut bagi melihat keberkesanan projek dan program-program keselamatan yang telah dilaksanakan. Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan peratusan "Rasa Selamat Penduduk" telah meningkat iaitu daripada 16% kepada 87% bagi penduduk di Flat Kg. Lindungan PJS 6 dan 8% kepada 68% bagi penduduk di Pangsapuri Damai dan sekitar Mentari Business Park, PJS 8.



Secara keseluruhannya, penurunan kadar jenayah di kedua-dua kawasan Blackspot dan peningkatan rasa selamat di kalangan penduduk telah membuktikan bahawa pelaksanaan Program Pemutihan Kawasan Blackspot bersama PDRM dan lain-lain agensi-agensi yang terlibat telah menunjukkan keberkesanan yang positif terutamanya bagi menangani kes-kes jenayah jalanan yang melibatkan jenayah ragut, samun dan lain-lain.

3.5 TINDAKAN PENYELESAIAN ADUAN AWAM DI MBPJ

Sehingga November 2016, jumlah aduan yang diterima melalui semua sumber dan saluran menunjukkan pengurangan positif dengan pengurangan jumlah aduan sebanyak 8% berbanding tahun sebelumnya. Untuk makluman, sejumlah 17,128 aduan telah diterima dan direkodkan. Selain daripada itu, jumlah penghargaan yang diterima juga merekodkan peningkatan yang positif terutama penghargaan yang melibatkan tindakan penyelesaian aduan dan perkhidmatan-perkhidmatan Majlis.

Tindakan maklumbalas jabatan juga menunjukkan peningkatan yang baik terutama bagi maklumbalas aduan dalam tempoh masa 48 jam. Secara keseluruhan, hampir 95% aduan yang diterima menerima maklum balas daripada Jabatan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Di samping itu, tahap penyelesaian aduan di peringkat jabatan juga merekodkan peningkatan yang positif khususnya aduan-aduan yang kritikal. Peratusan tahap penyelesaian aduan yang dikategorikan di bawah Kategori 1 dan 2 juga merekodkan peningkatan yang positif dengan tahap penyelesaian bulanan di antara 90% - 95%. Manakala bagi aduan Kategori 3 dan 4, purata peratusan tindakan penyelesaian adalah di antara 70%-75%.

Secara amnya, hampir kesemua Jabatan-Jabatan di Majlis Bandaraya Petaling Jaya merekodkan tahap penyelesaian aduan yang baik di antara 80%-95%. Majlis akan terus berusaha memberi komitmen yang tinggi terhadap tindakan penyelesaian aduan demi memastikan kelestarian Petaling Jaya secara khususnya. Beliau berharap ketua-ketua jabatan akan terus memberi perhatian yang serius terhadap aduan dan perkhidmatan yang disampaikan oleh penduduk Petaling Jaya.



3.6 CEGAH AEDES HAPUS DENGGI

Sehingga 10/12/2016 Malaysia mencatatkan kes denggi sebanyak 96,838 dengan 207 kematian penurunan kes sebanyak 20% berbanding tahun 2015, Selangor 49,503 kes dengan 76 kematian dengan penurunan sebanyak 21% berbanding tahun 2015 dan MBPJ 5,401 kes dengan 6 kematian. Bagi MBPJ, kes denggi sehingga minggu epid 49 (10/12/2016) menunjukkan penurunan kes sebanyak 30% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2015.

JADUAL BANDINGAN KES DENGGI MALAYSIA, SELANGOR DAN MBPJ DARI 2013 – 2016

TAHUN	MALAYSIA		SELANGOR		MBPJ	
	KES	MATI	KES	MATI	KES	MATI
2013	43,346	92	23,852	24	2,739	4
2014	108,698	215	54,289	77	8,469	7
2015	120,836	336	63,198	127	7,751	15
2016	96,838	207	49,503	76	5,401	6

Sebanyak 40 program SEDAR (Search and Destroy Aedes Ranger Team) telah diwujudkan di kawasan lokaliti wabak MBPJ. Program ini melibatkan komuniti dan pekerja pembersihan kawasan untuk membantu Majlis dalam mengawal wabak denggi.

Lokaliti wabak hotspot yang paling tertinggi kes demam denggi terkini di kawasan MBPJ adalah seperti berikut:-

LOKALITI WABAK HOTSPOT	JUMLAH KES
BL PJU 10 APT HARMONI 2 (D,E,F,G,H,J,K,T,S,R)	30
KD PJU 5 SEKSYEN 4 (GUGUSAN SEMARAK)	26
TM PJS 3 SRI MANJA COURT (JLN PJS 3/44)	24
DU SS 25 (2)	9
BL PJU 9 SD 13 APT SRI MERANTI 2 (BLOK H, J, K, L, M, N, P, Q, R)	8



PECAHAN KES MENGIKUT ADUN

ADUN	JUMLAH KES
DUN SRI SETIA	1,203
DUN BUKIT LANJAN	1,325
DUN KOTA DAMANSARA	1,070
DUN DAMANSARA UTAMA	566
DUN TAMAN MEDAN	532
DUN BUKIT GASING	404
DUN KG.TUNKU	301
JUMLAH KESELURUHAN	5,401

Justeru, Majlis juga menggesa supaya orang ramai dapat membuat pemeriksaan sendiri di dalam dan kawasan persekitaran rumah. Ini kerana hasil pemeriksaan mendapati bahawa pembiakan nyamuk aedes kebanyakannya adalah di dalam rumah dan bukannya di luar kawasan rumah seperti longkang. Beliau berharap agar orang ramai dapat memberikan kerjasama kepada Majlis dengan memastikan kebersihan kawasan masing-masing dan sekaligus dapat menurunkan lagi kes denggi ini. Hanya luangkan masa selama 10 minit seminggu bersama keluarga untuk membersihkan rumah masing-masing.

3.7 PANEL KONTRAKTOR BERDAFTAR MAJLIS

Mulai 1 Januari 2017, pemilik premis seperti pengusaha kilang, kompleks perniagaan, hotel, pusat membeli belah, institusi swasta dan lain-lain perkhidmatan seperti penganjuran program di tempat awam hendaklah menggunakan perkhidmatan kutipan sampah daripada panel kontraktor swasta yang berdaftar dengan MBPJ.

Penalti juga akan dikenakan jika tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan termasuk tidak akan meluluskan permohonan baru bagi lesen perniagaan yang diambil. Dasar ini dilaksanakan bertujuan untuk menyelaraskan sistem pengurusan sisa pepejal yang lebih berkesan dan menyeluruh.



3.8 SEWAAN TONG SAMPAH MAJLIS

Majlis akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang ketat termasuk sitaan tong kepada pemilik premis/ pengendali yang menjalankan kerja-kerja pembinaan, ubah suai bangunan, perobohan struktur bangunan dan kerja-kerja pembinaan lain yang menjalankan sisa binaan supaya mendapatkan perkhidmatan sewa tong sampah daripada Majlis. Kadar sewaan yang dikenakan adalah RM300.00 dan RM600.00 bagi tong 3 ton dan 7 ton kapasiti. Tindakan ini bagi memastikan pengurusan kutipan sisa binaan dapat dilaksanakan dengan lancar.

3.9 OPERASI PENGUATKUASAAN

3.9.1 OPERASI KENDERAAN LUSUH / KERETA BURUK

Majlis mengambil berat di atas isu ini dan giat mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kenderaan lusuh/kereta buruk yang bukan sahaja mencacatkan pemandangan tetapi juga menjadi tempat pembiakan aedes di sekitar Petaling Jaya.

Sepanjang bulan Januari hingga 19 Disember 2016 sebanyak **2,095** aduan yang diterima berkaitan kenderaan lusuh/ kereta buruk di sekitar Petaling Jaya dan **1,692** kes telah berjaya diselesaikan iaitu 934 kes telah diambil tindakan pindah alih (sitaan), manakala bakinya 758 kes telah dipindahkan sendiri oleh pemilik kenderaan. Sebanyak **403** kes lagi di dalam proses tindakan di mana notis amaran telah dikeluarkan kepada pemilik dan JMB untuk tindakan selanjutnya.

Majlis ingin mengucapkan tahniah kepada YBhg. Dato' Mohd Azizi bin Mohd Zain, Datuk Bandar Petaling Jaya di atas pengurniaan darjah kebesaran D.S.I.S. daripada DYMM Sultan Selangor yang membawa gelaran Dato'sempena keputeraan DYMM Sultan Selangor pada 11 Disember 2016.

Di kesempatan ini juga, beliau ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas dan Tahun Baru 2017. Semoga segala perkara mahupun program yang direncanakan pada tahun 2017 akan membuatkan kita semakin bersemangat, berdedikasi dan berintegriti di dalam menjalankan tugas harian. Jadikanlah segala urusan kita pada tahun ini sebagai satu tanggungjawab dan beriltizam untuk menghasilkan perkhidmatan yang lebih baik dan berkualiti pada tahun hadapan.



4. **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-**

4.1 **MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYABILANGAN 11 TAHUN 2016 (PENGGAL 2016/2017)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 11 Tahun 2016 bertarikh 30 November 2016 telah diluluskan tanpa pindaan.

5. **LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 11 TAHUN 2016 YANG TELAH DIADAKAN PADA 30 NOVEMBER 2016.**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.1 7.1.1	<p>UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ</p> <ul style="list-style-type: none"> - Persediaan Menghadapi Musim Hujan <p>beliau berharap agar keadaan longkang yang rosak diperbaiki dengan segera dan kerja-kerja penyelenggaraan longkang dipantau.</p>	<p>Jabatan Kejuruteraan memandang serius perkara ini dan telah mengeluarkan arahan kepada semua kontraktor bagi membersihkan sisa binaan semasa dan selepas kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan.</p>
7.3	<p>UCAPAN PENANGGUHAN OLEH CIK LIM YI WEI</p> <ul style="list-style-type: none"> - Isu <i>pothole</i> dan koordinasi antara jabatan. 	<p>Jabatan Kejuruteraan menerima aduan kerosakan jalan daripada pelbagai sumber seperti sistem aduan, panggilan telefon dan sebagainya. Pihak jabatan akan mengambil tindakan atau menjadualkan kerja-kerja pembaikan berdasarkan skop dan punca kerosakan.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		<p>Bagi aduan yang berskala besar akan diprogramkan untuk tindakan kontrak tahunan atau dimasukkan ke dalam program penurapan.</p> <p>Sementara itu bagi aduan 'pothole' di kawasan jalan, tindakan akan dibuat secara jabatan oleh 'road geng' dalam tempoh 24 jam setelah aduan diterima.</p> <p>Sekiranya aduan melibatkan pihak ketiga seperti pihak utiliti, contohnya aduan kerosakan 'manhole' jalan, paip pecah, jalan mendap akibat korekan jalan dan sebagainya, ianya akan disalurkan untuk tindakan pihak berkenaan.</p> <p>Encik Derek John Fernandez memaklumkan bahawa di zon beliau antaranya Jalan Cantik, Jalan 5/15, terdapat pihak utiliti yang mengorek dan menampal jalan. Perkara ini sudah berlarutan lama dan mengundang kemarahan penduduk. Walaupun penduduk maklum, perkara ini di disebabkan oleh pihak utiliti akan tetapi penduduk tetap menyalahkan Majlis memandangkan Majlis tidak memantau kerja-kerja tersebut berdasarkan SOP Majlis.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
	<p>- program Waze CC</p>	<p>Pengarah Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa tindakan terkini jabatan adalah menangguhkan kerja-kerja perparitan dan membekukan kerja-kerja pengorekan jalan. Beliau akan membawa semula perkara ini untuk perbincangan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas dengan mengambil kira cadangan Encik Derek John Fernandez dan Encik Oon Chong Ling antaranya ialah sekiranya pihak utility gagal mematuhi SOP maka tindakan 'stop word order' dibuat serta merta.</p> <p>Terdapat juga kes-kes yang melibatkan jalan yang masih belum diambilalih oleh Majlis dan masih dalam tindakan/ penyelenggaraan pemaju yang terlibat.</p> <p>Untuk Waze Connected Citizens Programme (CCP), pihak jabatan sentiasa memberi kerjasama yang diperlukan bermula dari peringkat awal perancangan dan cadangan pelaksanaan kelak.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.4 7.4.1	<p>UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK DANIEL LEE MARN ZHI</p> <p>- Isu Musim Hujan dan Banjir</p> <p>Beliau berharap agar adanya kerjasama di antara jabatan agar maklumat banjir disalurkan segera.</p>	<p>Jabatan Kejuruteraan sentiasa memantau hal tersebut dan telah dipanjangkan ke mesyuarat pemantauan aduan untuk mengelak musibah banjir.</p>
7.4.2	<p>- Kebajikan dan Kemudahan Pegawai MBPJ</p> <p>Beliau mendapat aduan daripada kakitangan memaklumkan berkaitan kekurangan tempat untuk menempatkan anak-anak di Taska. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar masalah tersebut dapat diselesaikan bagi menjaga kebajikan kakitangan dalam menangani masalah pengasuh anak-anak mereka.</p>	<p>Dimaklumkan pihak Taska tidak dapat menempatkan jumlah kanak-kanak yang ramai kerana ruang / kelas yang terhad. Pengambilan kemasukan kanak-kanak adalah berdasarkan kuota yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Kini jumlah kanak-kanak yang sedia ada berjumlah 190 orang. Permohonan kemasukan kanak-kanak boleh di buat setiap tahun sekiranya terdapat kekosongan di Taska berkenaan</p>

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS

6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 1 DISEMBER 2016 DAN 9 DISEMBER 2016. [RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 4 (19) [RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 4 (21)

1.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.



6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 5 DISEMBER 2016.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (25)]

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 6 DISEMBER 2016.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (106)]

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi:-

perkara 3 para 7.1 di mukasurat 4:-

Kawasan Lapang Angkat

Encik Tang Fuie Koh meminta tarikh untuk penyerahan taman/kebun angkat bagi kawasan BU 12.

DIPINDA KEPADA

Kawasan Lapang Angkat

Encik Tang Fuie Koh meminta tarikh untuk penyerahan taman dan kebun angkat bagi kawasan BU 12.

Perkara 3 para 7.4 di muka surat 5

Longkang Tersumbat

DIPINDA KEPADA

Longkang Tersumbat dan Rosak



Perkara 3 para 7.4 perenggan ke tiga di muka surat 5:-

TAMBAHAN AYAT (Tindakan Yang Diambil)

Puan Ermeemariana binti Saadon mencadangkan agar Jabatan Kejuruteraan mengemukakan maklumbalas melalui surat berkaitan status pemantauan atau status tindakan ke atas longkang tersumbat untuk makluman Ahli majlis kawasan.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

Perkara 6.1.7 di muka surat 10

Mesyuarat bersetuju dan memutuskan untuk:-

- a) Menerima Cadangan Rekabentuk Projek Menaiktaraf Laman MBPJ Dan Perabot Landskap Di Sekitar Menara MBPJ Oleh Mentari Design dan dari segi kos akan dinilai semula dengan mengambil kira kos material dan lokasi.

DIPINDA KEPADA

Mesyuarat bersetuju dan memutuskan untuk:-

- b) Membawa balik perkara ini ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kecil bagi mengambilkira cadangan-cadangan oleh Ahli Mesyuarat seperti faktor perbelanjaan yang berpatutan dan fungsi tanaman tersebut.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Jabatan Landskap, MBPJ.

6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 7 DISEMBER 2016. [RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (89)]

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ



6.5 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 9 DISEMBER 2016.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (86)]

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

6.6 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 14 DISEMBER 2016.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (79)]

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.

6.7 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 14 DISEMBER 2016.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (66)]

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:-

Perkara 4.2.1 i) a)

a) Menyediakan alat `pemisah' (pembahagi jalan) bagi menghindarkan konflik `weaving' di Jalan Timur (bersebelahan Amcorp Mall dan Taman Tasik Jaya).

DIPINDA KEPADA

b) Menyediakan alat `pemisah' (pembahagi jalan) dalam tempoh percubaan bagi menghindarkan konflik `weaving' di Jalan Timur (bersebelahan Amcorp Mall dan Taman Tasik Jaya).

Perkara 7.2.1 ii) di muka surat 24

ii) Meminta supaya kes-kes perundangan yang melibatkan binaan tanpa kebenaran untuk dimasukkan ke dalam Jawatankuasa Kerja Perundangan.



DIPINDA KEPADA

- ii) Meminta supaya kes-kes bukan hanya binaan tanpa kebenaran tetapi semua kes yang melibatkan perundangan yang berkaitan dengan Jawatankuasa Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas di bawa ke Jawatankuasa Kecil Perundangan.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

6.7.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan

- a) perkara iii) Isu C : Akses ke / dari Amcorp Mall di mana:-

Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran memohon kepastian sama ada consultan yang terlibat dengan penukaran laluan keluar sedia ada dari Amcorp Mall kepada laluan masuk 'ingress' dan menutup bukaan median memaklumkan atau berbincanga dengan pihak pengurusan Amcorp Mall atau tidak.

Pengarah Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa perbincangan bersama telah dibuat.

- b) Perkara 6.1 di mana Encik Danial Lee Marn Zhi meminta agar cadangan konsep rekabentuk pembinaan 'dedicated ramp' dimaklumkan kepada Ahli Majlis Kawasan.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA BANTAHAN NILAIAN HARTA BERTARIKH 15 DISEMBER 2016.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/8 (45)]**

- 6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.

6.9 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 15 DISEMBER 2016.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (71)]

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

6.10 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 16 DISEMBER 2016.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 2 (132)]

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:-

Perkara 3 para 7.9 iaitu

TANDAS TINGKAT 1, IBUPEJABAT MBPJ DAN PADANG DI HADAPAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (C) CHEN MOH DAN CADANGAN MEWUJUDKAN KOPERASI MAJLIS

DIPINDA KEPADA

TANDAS TINGKAT 1, IBUPEJABAT MBPJ,

PADANG DI HADAPAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (C) CHEN MOH

CADANGAN MEWUJUDKAN KOPERASI MAJLIS

Perkara 5.4.2 c) di muka surat 12

c) Encik Terence Tan Teck Seng mencadangkan supaya Majlis menaikkan sedikit harga tiket masuk ke Kolam Renang Majlis.

DIPINDA KEPADA

c) Encik Terence Tan Teck Seng mencadangkan supaya Majlis menaikkan sedikit harga tiket masuk ke Kolam Renang Majlis untuk menampung kos penyelenggaraan dan pembiayaan yang tinggi.

18/28



Perkara 7.1.1 di muka surat 15

7.1.1 Encik Terence Tan Teck Seng berharap supaya pihak Majlis dapat menaik taraf gelanggang futsal di Jalan Carey.

DIPINDA KEPADA

7.1.1 Encik Terence Tan Teck Seng berharap supaya pihak Majlis dapat membaiki gelanggang futsal di Jalan Carey.

Perkara 7.3.3 di muka surat 15

7.3.3 Penolong Pengarah (Aset) 1 memaklumkan bahawa pengubahsuaian telah dimulakan pada bulan Oktober 2016.

DIPINDA KEPADA

7.3.3 Penolong Pengarah (Aset) 1 memaklumkan bahawa pengubahsuaian ini dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2017.

Perkara 7.4 di muka surat 16

7.4 TANDAS TINGKAT 1, IBU PEJABAT MBPJ DAN KAWASAN VIP STADIUM HOKI MBPJ.

DIPINDA KEPADA

7.4 TANDAS PEREMPUAN TINGKAT 1, IBU PEJABAT MBPJ DAN KAWASAN VIP STADIUM HOKI MBPJ.

Tindakan : Timbalan Pengarah, (Sumber Manusia), MBPJ.

6.10.2 Mesyuarat turut memaklumkan bahawa

- a) bagi perkara 3 para 7.9 adalah tiga (3) perkara berbeza. Sehubungan dengan itu, Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan, Perkhidmatan Korporat dan Teknologi Maklumat diminta mendapatkan maklumbalas bagi perkara di atas kecuali maklumbalas berkaitan padang di hadapan sekolah jenis kebangsaan (c) Chen Moh.



- b) Bagi perkara 7.4.1 di muka surat 16, beliau memaklumkan setelah semakan dibuat oleh beliau, didapati bahawa tindakan masih belum dibuat walaupun Penolong Pengarah (Aset) 1 memaklumkan tindakan pembaikan telah siap dibuat.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

6.10.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan aduan daripada Encik Suriase a/l Gengiah berkaitan mesin membakar mayat di krematorium di mana hanya dua buah daripada tiga buah mesin sahaja yang berfungsi dan pembakaran tidak dapat dibuat sepenuhnya di mana baru-baru ini didapati tulang mendiang masih belum hancur. Beliau berharap agar Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan mengambil tindakan segera ke atas perkara ini.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

**6.11 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 20 DISEMBER 2016.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/15 JLD. 2 (13)]**

6.11.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.

7. UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK OON CHONG LING

7.1.1 Maklumbalas aduan yang diterima oleh Ahli Majlis

Beliau memaklumkan bahawa akhir-akhir ini, penduduk banyak menyalurkan aduan terutama yang berkaitan aduan asas seperti turap jalan kepada Ahli Majlis kerana berangapan aduan tersebut akan diselesaikan dengan segera. Ahli Majlis pula akan menyalurkan aduan tersebut kepada jabatan/bahagian/unit berkaitan. Sebagai orang tengah, Ahli Majlis memerlukan jawapan/maklumbalas/status aduan untuk makluman dan jawapan kepada penduduk. Akan tetapi ramai dikalangan jabatan/bahagian/unit tidak mengemukakan status atau maklumbalas aduan tersebut yang menimbulkan kemarahan penduduk.

20/28



Selain daripada itu, beliau berharap agar aduan-aduan asas diselesaikan dengan segera.

Tindakan : Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.

7.1.2 Kebenaran menggunakan khidmat anjing terlatih oleh Orang Kelainan Upaya (OKU)

Beliau memaklumkan terdapat permohonan daripada OKU yang hilang daya penglihatan (buta) menggunakan khidmat anjing terlatih di pasaraya untuk menolong mereka berurusan. Beliau turut menyemak tindakan undang-undang larangan anjing terlatih membantu OKU buta di pusat membeli belah.

Tindakan : Pengarah Unit Perundangan, MBPJ.

Akhir sekali beliau mengucapkan Selamat Hari Natal dan Tahun Baru Cina dan selamat bercuti kepada semua Ahli Mesyuarat dan Wargakerja MBPJ.

7.2 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN ERMEEMARIANA BINTI SAADON

7.2.1 Cadangan Membina Semula Pasar Jalan Othman

Beliau memaklumkan bahawa Pasar Jalan Othman merupakan tumpuan penduduk Petaling Jaya terutama di sekitar PJ Old Town untuk mendapatkan bekalan barangan pasar dan runcit. Walaupun pasar tersebut telah dinaik taraf dari segi kemudahan akan tetapi masih belum mencerminkan pasar moden. Beliau berharap agar pasar Jalan Othman dibina semula dengan kemudahan seperti barangan basah dan keperluan harian, bank, pejabat pos dan lain-lain bagi kemudahan penduduk.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar satu jawatankuasa 'Task Force' untuk membina semula Pasar Jalan Othman ditubuhkan yang dianggotai oleh ADUN, Ahli Parlimen, Ahli Majlis dan Ketua Jabatan.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar, MBPJ.**



7.2.2 Cadangan Membina Taman Tema Air sebagai Taman Rekreasi

Beliau mencadangkan agar Majlis membina Taman Tema Air sebagai Taman Rekreasi di kawasan tanah lapang terbiar atau tanah terbiar di Petaling Jaya bagi penduduk Petaling Jaya beriadah atau sebagai tempat pelancongan hujung minggu.

Akhir sekali beliau mengucapkan Selamat Hari Natal dan Tahun Baru Cina dan selamat bercuti kepada semua Ahli Mesyuarat dan Wargakerja MBPJ.

7.3 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ

Beliau mengucapkan Selamat Hari Natal dan Tahun Baru Cina kepada semua Ahli Mesyuarat dan Wargakerja MBPJ.

7.3.1 Aduan

Beliau membangkitkan isu di mana aduan yang diterima oleh Ahli Majlis semakin bertambah. Beliau berpendapat isu aduan adalah tanggungjawab utama Majlis terutama aduan asas. Masalah yang timbul adalah apabila penduduk tidak percaya kepada jabatan/bahagian terlibat, memandangkan banyak aduan yang tidak diambil tindakan. Sehubungan dengan itu, penduduk akan menyalurkan aduan kepada Ahli Majlis dengan harapan aduan tersebut akan dapat diselesaikan dengan segera. Akan tetapi sekiranya jabatan/bahagian tidak memberikan apa-apa maklumbalas kepada Ahli Majlis berkaitan aduan tersebut akan menimbulkan kemarahan penduduk.

Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada penduduk, beliau berharap agar perkara dapat diatasi pada tahun hadapan. Beliau turut mencadangkan agar Majlis melihat cara pengendalian kaunter di Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) di mana kakitangannya dapat menyalurkan maklumat dengan tepat dan cepat serta penyelesaian masalah aduan dengan berkesan.

**Tindakan : Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ,
Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.**



7.3.2 Isu 'One Way Loop' (OWL)

Beliau berharap agar MBPJ mengambil berat isu OWL sebagaimana yang dibangkitkan oleh Y.B. Rajiv a/l Rishyakaran berkaitan isu penukaran laluan keluar sedia ada dari Amcorp Mall kepada laluan masuk 'ingress' dan menutup bukaan median. Perkara ini mengundang kemarahan penduduk disebabkan keadaan kesesakan lalulintas yang meningkat. Beliau berharap agar Majlis dapat mengadakan perbincangan dengan penduduk bagi mengurangkan kemarahan penduduk kepada Majlis dan meningkatkan perkhidmatan yang lebih efisien.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,

7.4 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK SHATIRI BIN MANSOR

7.4.1 Projek Pelebaran Jalan di Persiaran Surian

Beliau memaklumkan bahawa terdapat banyak aduan daripada penduduk berkaitan projek pelebaran jalan di Persiaran Surian memandangkan awal pembinaan kerja-kerja berjalan lancar akan tetapi semakin lembab sejak akhir-akhir ini. Beliau berharap agar jabatan berkaitan dapat memantau perkara ini.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.16 tengahari. Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua ahli mesyuarat. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan Warga Kerja MBPJ di atas kerjasama sepanjang tahun 2016. Terdapat banyak kejayaan yang dicapai pada tahun 2016 dan banyak juga cabaran yang perlu dihadapi. Oleh yang demikian, bagi meningkatkan perkhidmatan kepada penduduk Petaling Jaya beliau berharap agar isu aduan sama ada yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis atau aduan asas hendaklah diselesaikan segera.

(HAJI AHMAT MOHAAYEN BIN HAJI SAID), AMN, AIS, PJK

Timbalan Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 6 Januari 2017



LAMPIRAN KEHADIRAN**HADIR:**

01. Tuan Johary bin Anuar, Timbalan Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud, Ahli Majlis, MBPJ.
03. Encik Azri bin Mohamad Arish, Ahli Majlis, MBPJ.
04. Encik Oon Chong Ling, Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Ang Ming Ern, Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin, Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Azizi bin Ariffin, Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Tang Fuiie Koh, Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Suriase a/l Gengiah, Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Halimey bin Abu Bakar, Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Shatiri bin Mansor, Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Ong Swee Long, Ahli Majlis, MBPJ.
14. Puan Wong Yuet Leng, Ahli Majlis, MBPJ.



15. Cik Jamaliah binti Jamaluddin,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Puan Ghandimathi a/p Suppiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Puan Ermeemarianna binti Saadon,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Encik Derek John Fernandez,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Encik Daniel Lee Marn Zhi,
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Cik Lim Yi Wei,
Ahli Majlis, MBPJ.

TIDAK HADIR:

01. Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain, (*dengan maaf*)
Datuk Bandar, MBPJ.
02. Puan Sia Siew Chin, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.
02. Encik Wong Swee Sang, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.



HADIR BERSAMA:

01. Tuan Haji Ahmad Mohayen bin Haji Said,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Tuan Dr. Badruzaman bin Jaafar,
Wakil Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,
Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarof,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Norzita binti Mokhtar,
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.



SULIT

14. Puan Haniza binti Abdul Hamid,
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
15. Encik Rosli Hisham bin Ibrahim,
Wakil Pengarah, Unit Audit Dalam dan Integriti, MBPJ.
16. Cik Nor Shabani binti Johari,
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Puan Hairulliza binti Abdul Rahman,
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
18. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
19. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
20. Puan Sr. Saliza binti Mohd Masri, MRISM
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

AHLI PARLIMEN/ADUN:

01. YB. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,
ADUN Bukit Gasing.
02. Encik Kamarul Hafiz bin Hairudin,
Wakil ADUN Taman Medan.
03. Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin,
Penyelaras DUN Kota Damansara.

URUSETIA:

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



SULIT

02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd Sakri bin Mat Zin,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
04. Puan Suriyati binti Othman,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

28/28



SULIT